Pendakwa Raya lwn Sivanesvaran a/l Krishnan Muthi dan satu lagi

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05–136–05 TAHUN 2015
TENGKU MAIMUN, AHMADI ASNAWI DAN KAMARDIN HASHIM HHMR
16 JUN 2017

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan — Tuduhan milikan dan pengedaran dadah berbahaya — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila mendapati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kesemua responden mempunyai kawalan, jagaan atau milikan — Sama ada pihak pendakwaan gagal membuktikan wujudnya satu kes prima facie — Sama ada hakim bicara gagal mengambil kira dan seterusnya menimbangkan keterangan SP4 dan SP5 dalam penemuan dadah-dadah

Kedua-dua responden telah dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi di akhir kes pendakwaan dari pertuduhan milikan dan pengedaran dadah berbahaya. Hakim bicara mendapati: (a) responden-responden ditangkap di tempat awam di mana suasana adalah gelap dan tiada keterangan konklusif yang menunjukkan responden-responden mempunyai jagaan, kawalan, milikan dan pengetahuan tentang dadah-dadah berbahaya tersebut; (b) keterangan yang boleh mengaitkan responden-responden dengan dadah-dadah tersebut hanyalah kerana mereka ditahan berhampiran dengan tempat di mana dadah tersebut dijumpai; (c) tiada bukti saintifik seperti cap jari atau profil DNA dikemukakan untuk mengaitkan responden-responden dengan dadah-dadah tersebut; dan (d) di atas penilaian maksima keterangan saksi pendakwaan, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan wujudnya satu kes prima facie. Terkilan dengan keputusan tersebut, pendakwa raya telah memfailkan rayuan ini. Timbalan pendakwa raya ('TPR') mengunjurkan alasan bahawa hakim bicara bijaksana terkhilaf apabila mendapati pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesemua responden mempunyai kawalan, jagaan atau milikan dan pengetahuan ke atas dadah-dadah tersebut. Menurut TPR, Insp Mohd Haszaruddin bin Kamaruzzaman ('SP4') melihat responden-responden duduk berkumpul dan rakan sepasukannya, SP5 telah menggunakan lampu suluh untuk menyuluh kumpulan tersebut dan ketika itulah SP5 melihat kesemua responden sedang membungkus sesuatu. TPR menghujahkan bahawa hakim bicara gagal mengambil kira dan seterusnya menimbangkan keterangan SP4 dan SP5 dalam penemuan dadah-dadah tersebut di tempat di mana responden-responden duduk dan dilihat membungkus sesuatu, disyaki dadah.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi:

(1) Mengambil kira keseluruhan hal ehwal keadaan kes ini, keterangan SP4 dan SP5 perlu dilihat dengan cermat dan berhati-hati. Percanggahan dalam kedua-dua laporan SP4 dengan keterangannya menimbulkan keraguan di mana sebenarnya responden-responden sedang duduk semasa ditangkap dan di mana dadah-dadah tersebut dijumpai. Berdasarkan keterangan SP5 adalah nyata SP5 tidak mengetahui atau nampak dengan jelas apa yang sedang dilakukan oleh responden-responden. Keterangan SP4 adalah lebih munasabah dan berasas di mana beliau tidak melihat perbuatan membungkus sesuatu oleh kesemua responden, bertentangan dengan keterangan SP5 yang menyatakan sebaliknya (lihat perenggan 24, 26 & 28).

(2) Mengambil kira hal ehwal keadaan keseluruhan kes, adalah sukar untuk menyatakan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan responden-responden mempunyai pemilikan ke atas dadah-dadah tersebut. *Infirmities* yang melanda kes pihak pendakwaan berkekalan hingga ke akhir kes. Fakta-fakta yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan tidak menyokong dapatan bahawa responden-responden sememangnya mempunyai milikan ke atas dadah-dadah tersebut. Berdasarkan kepada fakta-fakta dan keterangan yang dibentangkan, rayuan ini tidak mempunyai sebarang merit (lihat perenggan 29 & 31–32).

[English summary

Both the respondents were acquitted and discharged by the High Court at the end of the prosecution's case from possession and trafficking for dangerous drugs. The trial judge found: (a) the respondents were caught in public place where the surrounding was dark and there was no conclusive evidence that showed respondents had care, control, ownership and knowledge about the dangerous drugs; (b) the evidence that can connect the respondents with the drugs were only because they were arrested near the place where the drugs were found; (c) there wasn't any scientific evidence such as fingerprints or DNA profile that was brought forth to connect the respondents with the drugs; and (d) based on the maximum evaluation of the evidence of the prosecution's witness, the prosecution had failed to prove the existence of a prima facie case. Aggrieved with the decision, the prosecutor had filed the present appeal. The deputy public prosecutor ('the DPP') proposed the argument that the learned trial judge had erred in law when it was found that the prosecutor failed to prove that all respondents had control, ownership and knowledge of the drugs. According to the DPP, Insp Mohd Haszaruddin bin Kamaruzzaman ('SP4') saw the respondents sat in a group and his teammate, SP5 used torchlight to shine the group and it was then SP5 saw all the respondents was packing something. The DPP argued that the trial judge failed taking into account and

then considered the evidence of SP4 and SP5 in the discovery of the drugs at the place where the respondents sat and were seen to pack something, which was suspected to be drugs.

Held, dismissing the appeal and affirming the High Court decision:

(1) Taking into account the overall affair of the situation of the present case, the evidence from SP4 and SP5 must be carefully considered. The discrepancies in both reports from SP4 with his evidence that raised doubts whereby actually the respondents were sitting when they were arrested and where the drugs were found. Based on the evidence from SP5, it was apparent that SP5 did not know or see clearly what was being done by the respondents. Evidence from SP4 was more reasonable and justifiable whereby he did not see the action of packing something by all the respondents, contradicted with the evidence of SP5 that said otherwise (see paras 24, 26 & 28).

(2) Taking into account the affairs of situation of the overall case, it was hard to state that the prosecution succeeded in proving the respondents had ownership over the drugs. Infirmities that struck the prosecution case maintained until the end of the case. The facts that were proposed by the prosecution did not support the findings of the respondents indeed had ownership over the drugs. Based on the facts and evidence proposed, the appeal did not have any merit (see paras 29 & 31–32).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 231–241.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Fauzi bin Abdul Aziz v PP [2015] MLJU 2211; [2015] 1 LNS 1154, MR (dibezakan)

Chan Pean Leon v PP [1956] 1 MLJ 237 (dibezakan)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-12–02 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Iswa Tonie (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.

R Navaratnam (Viknes Ratna & Co) bagi pihak responden pertama.

Rao Jayenanda (Rao & Kamal) bagi pihak responden kedua.

Ahmadi Asnawi HMR:

[1] Kedua-dua responden di atas bersama dua responden yang lain (Ganesh a/l Sekar dan Muniswaran a/l R Ravi) telah dilepas dan dibebaskan oleh

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di akhir kes pendakwaan dari tiga pertuduhan berikut.

Pertuduhan pertama:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 20/9/2013, jam lebih kurang 10.30 malam, di gerai no. 13 Pasar Jalan Ikan Emas di dalam Daerah Cheras, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah didapati mengedar dadah berbahaya jenis cannabis berat bersih 424.0 gram. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua

> Bahawa kamu bersama-sama pada tarikh, masa dan tempat yang sama telah didapati ada dalam milikan kamu dadah berbahaya jenis heroin berat bersih 4.48 gram dan 1.97 gram Monoacetlymorphine. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan ketiga:

> Bahawa kamu bersama-sama pada tarikh, masa dan tempat yang sama telah didapati dalam milikan kamu dadah berbahaya jenis Methamphetamine berat bersih 9.56 gram. Oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A(1) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Terkilan dengan keputusan tersebut, pendakwa raya telah memfailkan rayuan ini.

[3] Rayuan terhadap dua responden yang lain tersebut telah ditarik balik oleh pihak pendakwaan lantaran kegagalan untuk mengesan kedua-dua mereka bagi penyerahan notis rayuan. Dengan itu rayuan hanya diteruskan ke atas kedua-dua responden di atas sahaja.

[4] Kami juga telah menolak rayuan pendakwa raya terhadap kedua-dua responden di atas seraya mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi berdasarkan kepada alasan-alasan yang akan dinyatakan berikut ini.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[5] Pada 20 September 2013, pengadu (SP4, Insp Mohd Haszaruddin bin Kamaruzzaman) telah mengetuai sepasukan anggota polis bagi menjalankan OPS Cantas Khas di sekitar kawasan Pasar Ikan Emas, Jalan Ikan Emas, Cheras.

[6] Semasa membuat pemantauan, SP4 telah melihat beberapa lelaki duduk berkumpul di gerai No 13 dalam keadaan yang mencurigakan.

[7] Apabila SP4 menghampiri gerai tersebut, beliau melihat kumpulan tersebut terdiri dari empat lelaki berbangsa India yang kemudiannya dicamkan sebagai kedua-dua responden di atas dan dua responden yang lain.

[8] SP4 kemudiannya memperkenalkan diri sebagai polis. Dua daripada lelaki tersebut tidak sempat berbuat apa-apa lalu terus ditahan, manakala dua yang lain cuba melarikan diri. Walau bagaimanapun kedua-dua mereka berjaya ditangkap tidak jauh dari lokasi kejadian, di kawasan pasar itu juga.

[9] SP4 telah membuat pemeriksaan di bawah lantai tempat keempat-empat responden tersebut duduk berkumpul dan menjumpai 37 paket plastik lut sinar berisi serbuk dan ketulan disyaki dadah heroin, satu alat penimbang digital tanpa jenama dan satu pisau pemotong.

[10] SP4 turut menjumpai (di kawasan yang sama) satu kotak warna putih dalam keadaan terbuka, mengandungi 26 paket plastik lut sinar berisi bahan-bahan dan ketulan-ketulan warna hijau dan satu paket plastik lut sinar berisi bahan serbuk dan ketulan warna putih yang tidak bersil disyaki dadah heroin.

[11] Di kawasan yang sama, SP4 juga telah menjumpai satu beg jenama 'Nike' berwarna biru, juga dalam keadaan terbuka. SP4 mendapati beg tersebut mengandungi satu paket plastik lut sinar berisi serbuk dan ketulan disyaki syabu, satu ketulan mampat tumbuhan kering dibalut kertas timah disyaki cannabis, tiga paket plastik lut sinar besar dan sepuluh paket plastik lut sinar kecil berisi tumbuhan kering disyaki cannabis dan satu alat timbang jenama 'Constant'.

[12] Kesemua tangkapan dan barang-barang kes yang dirampas telah dibawa ke IPD, Cheras dan diserahkan kepada pegawai penyiasat, SP7 (Insp Hadijah bt Lateh), untuk siasatan lanjut.

[13] Ahli kimia, SP2 (Puan Suhana bt Ismail), mengesahkan bahawa barang-barang kes yang dihantar kepada beliau oleh pegawai penyiasat adalah:

(a) satu ketulan mampat tumbuhan kering adalah cannabis seberat 215g dan tiga paket plastik besar dan sepuluh paket plastik lut sinar kecil berisi tumbuhan kering adalah cannabis seberat 209g. Dadah ini adalah hal perkara dalam pertuduhan pertama;

(b) bahan-bahan dalam 37 paket plastik lut sinar adalah 1.68g heroin dan 0.52g monoacetylmorphines; bahan-bahan dalam 26 paket plastik lut sinar adalah 2.15g heroin dan 0.55g monoacetylmorphines; dan bahan-bahan dalam satu paket plastik lut sinar adalah 0.10g heroin dan 0.10g monoacetylmorphines. Dadah ini adalah hal perkara dalam pertuduhan kedua; dan

(c) bahan-bahan dalam satu paket plastik lut sinar adalah 9.56g methamphetamine. Dadah ini adalah hal perkara dalam pertuduhan ketiga.

[14] SP2 mengesahkan bahawa dadah-dadah tersebut adalah dadah berbahaya seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Dadah Berbahaya, 1952 ('ADB, 1952').

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[15] Hakim bicara yang bijaksana mendapati responden-responden ditangkap di tempat awam di mana suasana adalah gelap dan tiada keterangan konklusif yang menunjukkan keempat-empat responden mempunyai jagaan, kawalan, milikan dan pengetahuan tentang dadah-dadah berbahaya tersebut. Keterangan yang boleh mengaitkan responden-responden dengan dadah-dadah tersebut hanyalah kerana mereka ditahan berhampiran dengan tempat di mana dadah tersebut dijumpai. Tiada bukti saintifik seperti keterangan cap jari atau profil DNA dikemukakan untuk mengaitkan responden-responden dengan dadah-dadah tersebut. Di atas penilaian maksima keterangan saksi pendakwaan, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan wujudnya satu kes prima facie terhadap kesemua responden di atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Dengan demikian kesemua responden dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri.

ALASAN-ALASAN RAYUAN

[16] Timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana hanya mengunjurkan satu alasan, iaitu hakim bicara yang bijaksana telah terkhilaf apabila mendapati

bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kesemua responden mempunyai kawalan, jagaan atau milikan dan pengetahuan ke atas dadah-dadah tersebut.

KEPUTUSAN KAMI

[17] TPR yang bijaksana menghujahkan keputusan hakim bicara yang bijaksana bahawa pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan responden-responden mempunyai jagaan, kawalan, milikan dan pengetahuan ke atas dadah-dadah tersebut tidak disokong oleh dan bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[18] Menurut TPR yang bijaksana, SP4 melihat keempat-empat responden duduk berkumpul di gerai No 13 dan rakan sepasukannya, SP5 (Koperal Khalik bin Abdull Wahab), yang ketika itu berada bersama SP4, telah menggunakan lampu suluhnya untuk menyuluh kumpulan tersebut dan ketika itulah SP5 melihat keempat-empat mereka sedang membungkus sesuatu. Di ms 69, *Jld* 1, rekod rayuan ('RR') SP5 menyatakan:

> Semasa laksanakan tangkapan 4 orang suspek menghadap sesuatu di bawah meja membungkus sesuatu. Ia di sebelah meja atau lantai. Mereka membungkus disyaki dadah.

[19] Turut dihujahkan oleh TPR yang bijaksana bahawa selepas keempat-empat responden ditangkap, SP4 telah menggeledah tempat di mana keempat-empat responden tersebut asalnya duduk dan menjumpai pelbagai jenis dadah dalam pelbagai jenis bungkusan dan juga peralatan-peralatan pembungkusan dadah seperti pisau dan timbang digital.

[20] Maka dihujahkan oleh TPR yang bijaksana bahawa hakim bicara gagal untuk mengambil kira dan seterusnya menimbangkan keterangan SP4 dan SP5 dan penemuan dadah-dadah tersebut di tempat di mana responden-responden duduk dan dilihat membungkus sesuatu, disyaki dadah. Keterangan-keterangan ini jelas menunjukkan bahawa responden-responden mempunyai milikan dan pengetahuan tentang dadah-dadah tersebut dengan keberatan bahawa SP5 melihat responden-responden *menghadap sesuatu di bawah meja membungkus sesuatu.*

[21] Dihujahkan seterusnya bahawa dengan wujudnya keterangan langsung ini yang mengaitkan responden-responden dengan pemilikan dan pengetahuan tentang dadah-dadah tersebut, maka bukti-bukti saintifik seperti keterangan cap jari dan profil DNA responden-responden pada barang-barang kes tersebut tidak lagi menjadi *significant* dan tidak perlu diberikan keutamaan yang berlebihan.

[22] Untuk memperkukuhkan hujahannya TPR yang bijaksana telah bergantung kepada keputusan Mahkamah ini dalam kes *Ahmad Fauzi bin Abdul Aziz v Public Prosecutor* [2015] MLJU 2211; [2015] 1 LNS 1154, yang memutuskan:

> [20] To conclude, we agreed with the finding of the learned trial judge that the appellant alone was occupying the said house and the second room. Looking at the evidence in totality which points to the fact that the appellant was packing the dangerous drugs, we were unanimous in our view that the conviction of the appellant was safe. Given the above, the absence of the DNA testing on the trousers and the nail clippings had no adverse effect on the prosecution case. We therefore dismissed the appeal and we affirmed the conviction and sentence of the High Court.

[23] TPR yang bijaksana juga bersandar kepada keputusan dalam kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237 untuk menunjukkan bahawa responden-responden mempunyai milikan, pengetahuan dan kuasa budi bicara untuk berurusan dengan dadah-dadah tersebut:

> To put it otherwise, there is a physical element and a mental element which must both be present before possession is made out. The accused must not only be situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must be also shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, that he had some animus possidendi.

[24] Pada hemat kami, mengambil kira keseluruhan hal ehwal keadaan kes ini, keterangan SP4 dan SP5 perlu dilihat dengan cermat dan berhati-hati. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa lokasi kejadian merupakan tempat awam iaitu pasar awam dan semua orang mempunyai akses ke atas tempat di mana dadah-dadah tersebut dijumpai. Kejadian pula berlaku pada kira-kira jam 10 malam di mana orang ramai masih berlalu lalang di tempat tersebut.

[25] Kedua-dua pihak juga bersetuju suasana pencahayaan adalah samar-samar di mana SP5 perlu menggunakan lampu suluh untuk menerangi tempat responden-responden duduk berkumpul dan hanya selepas dipasang lampu suluh dan menyuluh, barulah SP5 nampak responden-responden sedang membungkus sesuatu. Sungguhpun begitu, SP4 tidak pula menyatakan beliau nampak apa yang SP5 nampak, iaitu responden-responden sedang membungkus sesuatu.

[26] SP4 telah membuat dua laporan polis bersabit dengan kejadian tersebut seperti di ms 68–69 dan ms 90–91, *Jld* 2, RR. Dalam kedua-dua laporan tersebut, SP4 ada melaporkan tentang responden-responden sedang duduk menghadap sambil membungkus sesuatu di atas lantai. Namun, SP4 tidak memberi keterangan yang sedemikian ketika memberi keterangan di

mahkamah. Seterusnya dalam kedua-dua laporan polisnya, SP4 menyatakan semasa kejadian, responden-responden duduk di gerai No 14 dan 15, tetapi di mahkamah kedua-dua SP4 dan SP5 menyatakan kejadian berlaku di gerai No 13 dan dadah-dadah tersebut juga dijumpai di sekitar gerai No 13. Percanggahan ini menimbulkan keraguan di mana sebenarnya responden-responden sedang duduk semasa ditangkap dan di mana dadah-dadah tersebut dijumpai.

[27] Keterangan SP5 juga perlu diteliti dengan berhati-hati. Di ms 81, *Jld* 1, RR, ketika disoal balas, SP5 menyatakan:

Q: Cadangan — keadaan di tempat kejadian gelap dan apa yang sebenarnya berlaku kamu tidak tahu kerana gelap?

A: Setuju.

Di ms 75, *Jld* 1, RR:

Q: Setuju — tempat kelibat 4 lelaki India itu tidak terang?

A: Setuju

Q: Setuju — ia samar-samar.

A: Setuju.

Q: Saya katakan — kamu sebenarnya tidak pasti apa kelibat 4 lelaki India sedang buat?

A: Setuju.

Q: Cadangan — tempat tersebut samar-samar. Kamu tidak pasti apa yang berlaku?

A: Setuju.

[28] Dari keterangan di atas, adalah nyata SP5 tidak mengetahui atau nampak dengan jelas apa yang sedang dilakukan oleh responden-responden. Keterangan SP5 yang sebegitu hanya mengundang keraguan. Dengan itu kami amat condong untuk bersetuju dengan hujahan peguambela yang bijaksana bagi responden kedua bahawa keterangan SP4 adalah lebih munasabah dan berasas di mana beliau tidak melihat perbuatan membungkus sesuatu oleh keempat-empat responden, bertentangan dengan keterangan SP5 yang menyatakan sebaliknya.

[29] Mengambil kira hal ehwal keadaan keseluruhan kes seperti diperincikan di atas, pada hemat kami, adalah sukar untuk menyatakan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan responden-responden mempunyai pemilikan ke atas dadah-dadah tersebut. *Infirmities* yang melanda kes pihak pendakwaan berkekalan hingga ke akhir kes.

[30] Pada hemat kami, TPR yang bijaksana tidak boleh bergantung kepada keputusan dalam kes *Ahmad Fauzi Abdul Aziz v Public Prosecutor* untuk membantu kes pihak pendakwaan kerana dalam kes di hadapan kami, kejadian berlaku di kawasan terbuka dan keterangan bahawasanya responden-responden sedang membungkus dadah-dadah tersebut ketika SP4 dan SP5 melihat mereka, amatlah meragukan. Ini ditambah dengan suasana sekitar yang samar-samar sehingga SP5 memerlukan bantuan lampu suluh untuk melihat mereka.

[31] Demikian juga pihak pendakwaan tidak boleh bergantung kepada *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* kerana pada bila-bila masa yang material pemilikan dadah-dadah tersebut oleh responden-responden tidak pernah dibuktikan. Fakta-fakta yang dibentangkan oleh pihak pendakwaan tidak menyokong dapatan bahawa responden-responden sememangnya mempunyai milikan ke atas dadah-dadah tersebut.

KESIMPULAN

[32] Kami mendapati berdasarkan kepada fakta-fakta dan keterangan yang dibentangkan, rayuan ini tidak mempunyai sebarang merit. Dengan itu kami menolak rayuan ini seraya mengekalkan keputusan hakim bicara yang bijaksana yang melepaskan dan membebaskan responden-responden tanpa dipanggil untuk membela diri.

Rayuan ditolak, keputusan Mahkamah Tinggi dikekalkan.

Dilaporkan oleh Nisha Paran